

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN WONG SHU QI
[KLUANG]
TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 178

Y.B. PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan menambahkan mesin pemeriksaan bagasi di dewan ketibaan penumpang bas Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) memandangkan kekurangan mesin tersebut adalah salah satu punca kesesakan ketika musim puncak pelancongan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat dua (2) unit mesin pemeriksaan bagasi yang ditempatkan di dewan ketibaan penumpang bas Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB). Kerajaan akan mengkaji semula keperluan untuk menambah jumlah mesin pemeriksaan bagasi di dewan ketibaan penumpang bas KSAB bergantung kepada faktor seperti ketersediaan dan keupayaan pihak KSAB untuk menyediakan ruang yang bersesuaian dan mencukupi bagi menempatkan mesin-mesin tersebut.